

Empangan Bakun janjikan masa depan cerah penduduk

S.H # 11/12/07 M/S 11

Buat masa ini 10,000 orang yang terdiri daripada 1,693 keluarga mewakili lima kumpulan etnik utama - Kenyah, Kayan, Lahanan, Ukit dan Penan - menetap di tiga skim penempatan semula itu.

BELAGA - Jam menunjukkan pukul 6.30 pagi dan cuaca begitu sejuk dan berkabus di Skim Penempatan Semula Sungai Asap, lebih kurang 30 kilometer daripada tapak empangan hidroelektrik terbesar di Asia Tenggara, Empangan Bakun.

Bekas peniaga tukar barang Bungan Abok, 83, dan keluarganya merupakan antara 101 keluarga yang tinggal di Uma Belor, salah sebuah daripada 15 buah rumah panjang moden di skim Sungai Asap. Dua lagi skim penempatan masing-masing terletak di Penyuan dan Koyan.

Lebih kurang 12 tahun yang lepas, pada pagi seperti ini, Bungan pasti beres gelisah menyedari ramai kanak-kanak akan memulakan perjalanan berbahaya ke sekolah-sekolah dengan bot melalui Sungai Balui daripada bekas rumah panjangnya di Long Sah A.

Bungan dan ibu bapa lain mempunyai alasan yang beres bimbang kerana bot-bot yang membawa anak-anak mereka perlu mengharungi arus deras dan pada masa yang sama mengelakkan daripada kayu yang terapung, batu besar di bawah dan di atas permukaan air dan satu atau dua jeram berbahaya di laluan mereka.

Golongan peneroka ini yang pada satu ketika dahulu membantah pemindahan mereka daripada tanah adat untuk memberi laluan kepada empangan bernilai RM8 bilion itu hari ini menyaksikan perubahan yang menakjubkan.



Suasana sebuah pasar yang dinamakan 'Tamu', di mana tempat untuk penduduk di Belaga menjual hasil pertanian mereka.

PERUBAHAN MENAKJUBKAN

Buat masa ini 10,000 orang yang terdiri daripada 1,693 keluarga mewakili lima kumpulan etnik utama - Kenyah, Kayan, Lahanan, Ukit dan Penan - menetap di tiga skim penempatan semula itu.

Sejak turun-temurun peneroka-peneroka ini bergantung kepada Sungai Balui sebagai laluan ke dunia luar dan kebanyakan mereka memiliki bot-bot panjang.

Hari ini, di sebaliknya, kebanyakan mereka tidak lagi memiliki bot panjang yang pada satu ketika dahulu merupakan sesuatu yang sangat berharga bagi masyarakat penempatan tepi sungai.

Dengan wang pampasan yang mereka terima, mereka membeli kenderaan pacuan empat roda atau sekurang-kurangnya, kereta Kancil

atau motosikal yang kini menjadi kaedah pengangkutan pilihan.

Anak-anak hari ini ke sekolah dengan kenderaan pacuan empat roda dan dianggarkan terdapat sekurang-kurangnya 150 buah kenderaan seperti itu di rancangan-rancangan penempatan berkenaan.

Mereka kini menikmati bekalan air bersih dan bekalan kuasa 24-jam. Peti sejuk, mesin basuh atau televisyen satelit Astro, yang satu ketika dahulu hanya boleh dinikmati oleh mereka yang tinggal di bandar-bandar. Sekolah, gereja, dewan masyarakat, sebuah pusat kesihatan dan kedai-kedai moden kesemuanya terletak dalam jarak beberapa minit perjalanan.

ADA YANG RINDU KEHIDUPAN TRADISI

Pemimpin masyarakat Sungai Asap Penghulu Saging Bit, 50,

menegaskan yang golongan tua tidak terlepas daripada nostalgia kehidupan di tempat asal mereka dan 'kuman bahek' (berkelah di tepi sungai).

Balui menyediakan kepada mereka hasil semulajadi seperti ikan 'empurau', (sejenis ikan gurameh) sementara di hutan yang luas mereka memburu 'payau' (rusa sambar) dan 'baboi' (babi hutan).

Walau apa pun, kehidupan baru di penempatan-penempatan itu mempunyai keistimewaan sendiri dan ada yang tidak sanggup memikirkan untuk kembali ke situ.

"Aksesibiliti merupakan satu kenikmatan yang begitu bagus di sini. Kami boleh ke mana-mana, pada bila-bila masa dan pada kos yang murah. Sebelum ini, perjalanan bukan sahaja mahal tetapi juga berbahaya kerana jeram Murum dan Pelagus khasnya.

"Sebelum ini, ia tugas yang sukar setiap kali kami terpaksa menghantar anggota keluarga yang sakit atau wanita mengandung ke klinik terdekat di Belaga, lebih kurang 40 kilometer ke hilir, khususnya pada waktu malam," katanya.

PENDIDIKAN DAN LEBIH RAMAI SISWAZAH

Penghulu Saging tinggal di rumah panjang Uma Belor. Daripada 720 penghuni berdaftar, hanya 200 orang menetap di situ. Yang lain merantau ke Miri, Kuching, Sibul, Kapit dan sehinggakan di Kuala Lumpur untuk mencari rezeki.

Ini menunjukkan peluang-peluang pengajian adalah terhad tetapi Penghulu Saging yakin yang semua itu akan berubah apabila Empangan Bakun siap.

"Kita perlu realistik. Siapa mahu hidup dengan pendapatan kecil sebagai pekerja ladang atau petani di sini," katanya.

Lagipun, tanah pertanian semakin terhad dengan kawasan-kawasan luas di peruntukkan bagi syarikat-syarikat besar yang mengusahakan ladang kelapa sawit dan balak.

Beliau percaya muda-mudi di penempatan itu akan menikmati pendidikan terbaik. Sebenarnya, wawasan rumah panjang beliau ialah untuk memastikan sekurang-kurangnya seorang lulusan institusi pengajian tinggi bagi setiap keluarga menjelang 2020.

Ini bukan impian yang mustahil dicapai memandangkan Uma Belor telah mengeluarkan 80 orang lulusan institusi pengajian tinggi, bilangan terbesar di seluruh Daerah Belaga.

Kini, mereka ini merupakan profesional dalam industri gas dan minyak, bank-bank komersil, pensyarah dan kakitangan awam, dan ahli perniagaan yang berjaya di dalam atau di luar negara.

"Harapan kami ialah anak-anak kami satu hari nanti akan menjawat jawatan penting dalam pengurusan Bakun," tambah beliau.

POTENSI BAIK DALAM PELANCONGAN

Oleh kerana berada dekat dengan Empangan Bakun, Penghulu Saging menjangka peneroka akan mendapat pulangan daripada industri pelancongan apabila empangan itu siap.

Ramai yang pasti mahu melawatnya, memandangkan, saiznya yang besar, ketinggian dan kontroversi. Ia akan membanjiri kawasan seluas 69,500 hektar, saiz negara Singapura.

Empangan Bakun apabila siap merupakan empangan CFRD (concrete face rock fill dam) tertinggi di dunia pada ketinggian 205 meter. Ia dijangka beroperasi menjelang 2010 untuk menjana 2,400 mega watt tenaga mesra alam.